

Pesta Krismas UMS kongsi penyatuan dalam perayaan

NST 18.12.2017 9

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menyambut perayaan Hari Natal dengan acara tahunan yang masuk tahun ke-6 pada kali ini, dengan mengadakan Pesta Krismas yang disertai seramai 2,500 pelajar, kakitangan dan orang awam.

Acara tahunan yang bertemakan ‘Penyatuan’ (unity) itu telah diadakan di Dewan Kuliah Pusat ke-2 dan telah disempurnakan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Johnity Ongkili.

Pengarah program, Alvin Roy Oolin berkata sambutan Pesta Krismas edisi ke-6 itu adalah kesinambungan kepada sambutan Pesta Krismas edisi ke-5 (2016).

“Love one another” adalah tema Pesta Krismas sesi lalu dan ‘Unity’ adalah kesinambungan yang dipilih bagi tujuan meneruskan semangat cinta akan satu sama lain antara semua individu dalam masyarakat kita,” katanya ketika berucap dalam Majlis Pesta Krismas itu, Sabtu lalu.

Dalam pada itu, Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin memberitahu bahawa majlis yang disertai oleh pelbagai kaum dan anutan agama itu adalah wadah yang memperlihatkan semangat perpaduan para warga UMS.

“Majlis ini disertai oleh pelbagai mahasiswa mahasiswa dari seluruh negara, kefahaman anutan agama dan kaum.

“Hal ini memperkuatkan lagi bukti bahawa warga kampus ini mempunyai nilai perpaduan dan muhibah yang harmoni,” katanya.

Jelas beliau lagi, pihak universiti akan terus menyokong dan mengharungi pelaksanaan perayaan seperti itu.

“Pihak universiti sentiasa menyokong sambutan perayaan yang menyatukan warga kampus dan kami yakin, acara sebegini mampu mengeratkan hubungan silaturahim sekaligus membantu UMS mencapai hasrat murni dan universal,” jelasnya.

Pesta Krismas yang diadakan itu adalah projek khas yang dirancang oleh Exco Sukan, Seni dan Budaya, Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2017/2017 dengan kerjasama Bahagian Kesenian dan Kebudayaan (HEPA).

Pelbagai aktiviti persembahan kebudayaan turut diadakan seperti tarian, koir, nyanyian dan lakonan selaras dengan konsep 1Malaysia serta mengetengahkan elemen keharmonian budaya.

Pelajar, Durasima Nameing ketika ditemui berkongsi pengalaman sambutan Krismas tersebut merupakan acara kali ketiga yang disertai beliau sejak 2015.

“Tahun ini adalah tahun ketiga saya hadir dalam Pesta Krismas dan apa yang boleh saya katakan, kemeriahan sambutan perayaan Krismas dalam kampus ini amat menarik dan keharmonian kepelbagaiannya dapat dilihat.

“Aktiviti kebudayaan khususnya nyanyian adalah antara yang paling menarik perhatian saya dan kerana kepelbagaiannya aktiviti persembahan inilah saya menjadi penyokong setia Pesta Krismas UMS,” katanya kepada wartawan.



PERPADUAN...Maximus dan para tetamu lain melakukan isyarat simbolik tema Pesta Krismas 2017, Unity.



PERASMIAK...Maximus melakukan perasmian di pentas utama bersama tetamu lain.



POTONG KEK...Sesi memotong kek, sempena menzahirkan rasa kesyukuran di atas sambutan Pesta Krismas 2017 yang berjaya dilaksanakan.

PERSEMPAHAN... Aktiviti persembahan kebudayaan, Tarian Rebona yang dipersembahkan semasa pembukaan acara turut menarik perhatian ramai.